

## Penerimaan Kandungan Fiqh Ibadat Solat oleh Orang Asli Suku Mendriq di Kuala Lah, Gua Musang

### *Acceptance of Fiqh Ibadat (Prayer) Content Among the Mendriq Tribe Orang Asli In Kuala Lah, Gua Musang*

Nor Mazlina Mohamad, Mohamad Kamil Ahmad\*, Wan Ahmad Amir Zal Wan Ismail

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan, 16300 Bachok, Kelantan, Malaysia

\*Corresponding author email: [mohdkamil@umk.edu.my](mailto:mohdkamil@umk.edu.my)

#### SEJARAH ARTIKEL

Diterima: 2 Disember 2025  
Disemak: 27 Februari 2026  
Diterima: 30 Mac 2026  
Diterbitkan: 23 April 2026

#### KATA KUNCI

Fikah Ibadat  
Solat dalam islam  
Suku kaum mending  
Masyarakat orang asli muslim  
Kerangka Pengajaran Fikah ibadat

**ABSTRAK** - Atas kesedaran kepentingan ilmu Fiqh Ibadat kepada setiap Muslim termasuklah suku Mendriq terutama yang baru memeluk agama Islam. Sebagaimana dinyatakan Nurliana (2021) kebanyakan tidak menguasai berbagai ilmu. Ia berbeza dengan Fiqh Ibadat kerana melibatkan aktiviti harian dan wajib dilaksanakan setiap hari. Maka perlu difahami dengan baik dan diambil tindakan sewajarnya agar memahaminya dengan kaedah yang paling mudah dan senang difahami serta tidak membebankan mereka juga boleh diterima dan dilaksanakan dengan baik. Objektif kajian ini meneroka isi kandungan Fiqh Ibadat Solat, mengenalpasti kefahaman dan realiti kehidupan dalam kalangan Mendriq di Kuala Lah, Gua Musang, mengitlak isi kandungan Fiqh Ibadat Solat yang bersesuaian dengan realiti kehidupan Mendriq dan akhirnya mencadangkan kerangka isi kandungan dan penyampaian yang sesuai dengan Mendriq. Menjawab persoalan kajian ini, apakah isi kandungan Fiqh Ibadat Solat? Bagaimanakah kefahaman dan realiti kehidupan dalam kalangan Mendriq? Apakah isi kandungan Fiqh Ibadat solat yang bersesuaian dengan realiti kehidupan Mendriq? Apakah cadangan kerangka isi kandungan dan penyampaian yang sesuai dengan Mendriq. Kajian ini melalui dua peringkat, peringkat pertama kajian perpustakaan dan peringkat kedua, kajian kualitatif yang melibatkan temubual dan Focus Group Discussion (FGD) bagi melihat kebersesuaian isi kandungan ilmu Fiqh Ibadat terhadap sosio budaya Mendriq

**ABSTRACT** - Driven by the awareness of the importance of Fiqh Ibadat (Islamic Jurisprudence of Worship) to every Muslim, including the Mendriq Tribe, particularly those who have recently embraced Islam. As noted by Nurliana (2021), most have not mastered various branches of knowledge. This is distinct from Fiqh Ibadat, as it involves daily activities and is a mandatory daily practice. Consequently, it must be thoroughly understood and addressed through the easiest and most accessible methods that are not burdensome, ensuring it can be accepted and implemented effectively. The objectives of this study are to explore the content of Fiqh Ibadat for prayer, identify the understanding and life reality of the Mendriq in Kuala Lah, Gua Musang, generalise the content of Fiqh Ibadat for prayer that fits their life reality, and finally propose a framework for content and delivery suitable for the Mendriq. This study seeks to answer several research questions: 1. What is the content of Fiqh Ibadat for prayer? 2.

*How is the understanding and life reality among the Mendriq? 3. What content of Fiqh Ibadat for prayer is suitable for their life reality, 4. What is the proposed framework for content and delivery suitable for the Mendriq. The research is conducted in two stages: the first involves library research, and the second is a qualitative study comprising interviews and Focus Group Discussions (FGD) to evaluate the compatibility of Fiqh Ibadat knowledge with Mendriq socio-culture.*

**Keywords:** *Fiqh of Worship, Prayer in Islam, The Mending tribe, Indigenous Muslim community, Teaching Framework for Fiqh of Worship*

## 1.PENDAHULUAN

Berdasarkan kajian yang saya sedang jalankan sekarang ini dibawah seliaan Dr Mohd Kamil Bin Ahmad dan Prof Wan Amir Zal Bin Wan Ismail. Tidak dapat disangkal lagi ilmu fiqh sebagai salah satu ilmu Fardhu ain yang sangat penting terhadap setiap individu termasuklah suku kaum orang asli Mendriq sebagaimana menurut Arief Salleh dan Salmiah (2010) “mempelajari ilmu fikah sangat penting kepada individu muslim untuk menjalani kehidupan berlandaskan syariat seperti yang diarahkan oleh Allah S.W.T dan rasul kerana semuanya menuju kepada penjagaan agama, jiwa, akal, keturunan dan harta”. Juga menurut (H.A Djazuli, 2021), menjelaskan bahawa untuk mengetahui hukum-hukum yang berkaitan halal dan haram serta amalan yang sah dan batal, sebaik-baik ilmu yang menjelaskan perkara tersebut ilmu berkaitan fiqh.

Fiqh ibadat mempunyai kandungan perbincangan yang luas sebagaimana dapat dilihat dalam kitab-kitab fiqh. Tidak semua cabang perbincangan diperlukan dan sesuai dengan realiti kehidupan masyarakat yang berbeza dari aspek budaya dan pemikiran. Ia selaras sebagaimana diterapkan dalam prinsip asas Fiqh Al-Awlawiyat yang dijelaskan oleh (Abdul Ghani et al.,2017) sesuatu perkara utama perlu didahulukan dan perlu diberi perhatian yang lebih dalam melaksanakan dakwah terhadap saudara baru. Sepertimana yang dilihat dalam Rukun Islam, perkara utama adalah solat. Manakala, haji diwajibkan bagi yang berkemampuan.

Dari segi penerimaan isi kandungan fiqh ibadat yang kurang berkesan juga akan membawa kesan kepada psikologi individu yang berbeza budaya, pemikiran apatah lagi orang asli (Awang, 2011) hasil daripada penghayatan ibadat akan lahirlah individu muslim yang cemerlang dari pelbagai bidang. Oleh itu, jelas menggambarkan bahawa kurangnya penghayatan ibadat yang diterima individu muslim akan menyebabkan **psikologi** individu menjadi lemah dan sentiasa dalam kemurungan. Tidak kurang juga kesan dari segi ibadat, (Zulkiple, 2019) menyatakan, pengamatan keagamaan yang bermaksud menghayati, mengamalkan dan laksanakan keseluruhan dari pelbagai dimensi kehidupan termasuk dari segi ibadat. Dari firman Allah bermaksud “tidak diciptakan jin dan manusia hanya untuk ibadat kepadaku. Surah Az-Zariyat juzuk 51 ayat 56

### 1.1 PERNYATAAN MASALAH

Fiqh ibadat merupakan tunjang bagi seseorang muslim, ia perlu dikuasai dan dilaksanakan dengan baik oleh setiap muslim termasuk Mendriq. Untuk mencapai keberkesanan yang optimum, isu-isu yang muncul perlu diambilkira. Sepertimana yang telah dijelaskan dan dirumuskan sepertimana berikut berkaitan sikap peribadi Mendriq, nilai yang diterapkan oleh pihak terlibat serta nilai sendiri Mendriq sendiri, kaedah penyampaian yang digunakan oleh pihak yang terlibat dan isu utama ialah yang berkaitan dengan kebersesuaian isi kandungan fiqh ibadat solat yang disampaikan. Ia bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh (Mohd Zain dan Engku Alwi 2014) yang mana mendapati terdapat banyak aktiviti serta program yang dilaksanakan kepada masyarakat Orang Asli namun penghayatan dan penerimaan kepada ajaran agama Islam masih lemah. Ini menunjukkan ia perlu diberi perhatian dan bertepatan dengan isu yang wujud.

Modul yang sukar difahami, tidak menarik dan tidak bervariasi berserta isi kandungan yang tidak sesuai dan terikat pada modul yang sedia ada akan menyebabkan penerimaan isi kandungan fiqh ibadat tidak dapat dilaksanakan dengan baik sebagaimana menurut (Muhamat @ Kawagit 2020) mendapati pendekatan atau methodologi dakwah perlu sesuai dengan keadaan masyarakat Orang Asli

tersebut. Iaitu bagi yang dah lama memeluk Islam ada cara tersendiri dan masyarakat baru memeluk Islam ada cara tersendiri (Abdul Ghani et al., 2014). Begitu juga menurut (Halim, Yusoff, Basir, Ahmad & Saad, 2013) bahawa elemen kemajuan dalam Islam menjadi faktor kepada anjakan paradigma masyarakat.

Manakala (Hassan dan Ramli, 2020) menjelaskan bahawa pelaksanaan dakwah secara berterusan akan membawa perubahan kepercayaan masyarakat orang asli daripada berkisar animisme kepada kepercayaan Allah yang satu. Ia menunjukkan bahawa untuk memastikan pemahaman, penguasaan dan pelaksanaan yang baik amat bergantung kepada strategi penyampaian dan kebersesuaian isi kandungan fiqh ibadat tersebut. Sekiranya terdapat kepincangan perkara tersebut perlu ditambahbaikkan secara menyeluruh dengan menggunakan dan mengaplikasikan pelbagai teori dan model dari segi penyampaian dan isi kandungan fiqh ibadat solat yang bersesuaian dengan Mendriq. Manakala sekiranya ia sememangnya baik maka ia perlu dijadikan contoh dan wajar dipraktikkan untuk semua Orang Asli yang beragama Islam.

Ia selaras dengan kajian yang dijalankan oleh (Mahbob et al., 2019) mengenai pola berkomunikasi yang diamalkan dalam Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) yang amalkan cara berkomunikasi yang mendatar begitu juga komunikasi luaran secara kerap berbeza dengan cara komunikasi lain sehingga menyebabkan peningkatan aduan pengguna. Begitu juga dengan strategi penyampaian isi kandungan Fiqh Ibadat solat sekiranya ia tidak dikaji mengenai kaedah penyampaian yang betul dan kesesuaian isi kandungannya untuk mencari kelompongannya agak sukar untuk mendapat jalan penyelesaian bagi membantu Mendriq dalam penguasaan dan pelaksanaan ibadat solat dan puasa sebaik mungkin dengan mengambil kira pandangan mazhab yang diguna pakai di Malaysia sehingga mendapat kelazatan iman.

Namun begitu, modul yang ada sekarang sebagai rujukan perlu dikenalpasti, dinilai dan diperhalusi dalam membantu Mendriq dalam penerimaan Fiqh ibadat sebagaimana hasil dapatan kajian (Mohd Zain & Engku Alwi (2014) menyatakan bahawa terdapat pelbagai program telah dilaksanakan oleh pihak JAKIM terhadap masyarakat orang asli akan tetapi penerimaan dan penghayatan mereka kepada ajaran Islam masih lemah dan berada di tahap yang rendah". Begitu juga menurut (Shaari, Yusoff, Ghazali & Dali (2011) yang mendapati faktor persekitaran dan sosial budaya menjadi penyebab Orang Asli kurang mengambil berat tentang ilmu dan telah menghasilkan modul khusus berkaitan karangan Bahasa Melayu yang boleh dijadikan sebagai kayu ukur penerimaan ilmu Fiqh Ibadat. Ini menggambarkan betapa perlunya modul yang direkabentuk dengan isi kandungan yang sesuai dengan kehidupan mereka walaupun ada telah dibina buku panduan pengajaran dan pembelajaran berkaitan agama Islam terhadap masyarakat suku kaum Orang Asli akan tetapi ia perlu diteliti dan diperhalusi lagi.

Usaha atau pendekatan yang dibuat oleh pihak JAKIM, MAIK beberapa agensi lain yang datang membantu dengan menggunakan kaedah penyampaian yang sesuai dan inovasi pelbagai memainkan peranan yang penting dalam memastikan penerimaan isi kandungan fiqh ibadat solat dan puasa dengan baik yang memerlukan pemahaman, penguasaan dan pelaksanaan ibadat yang sempurna dan baik. Sepertimana menurut (Abdul Ghafar Don, 2015) menyatakan bahawa kecemerlangan masyarakat Islam banyak dipengaruhi oleh usaha dakwah yang sistematik, konsisten dan berpanjangan. Juga menurut (Khoiril, F. 2010) bahawa, golongan pendakwah merupakan pemimpin umat, seterusnya mereka merupakan teladan masyarakat dan perlu menceburi bidang ekonomi untuk membantu mempertingkatkan ekonomi umat Islam. Begitu juga menurut (Meerangani et al., 2013) bahawa di Malaysia golongan bukan Islam terdapat daripada pelbagai kaum dalam satu masyarakat, strategi dan cara dakwah perlu dipelbagaikan serta disesuaikan selaras dengan pembangunan. Ini jelas menunjukkan bahawa usaha atau pendekatan yang melibatkan kaedah penyampaian yang tidak sesuai dan tidak mempunyai inovasi yang pelbagai menjadikan penerimaan isi kandungan fiqh ibadat kurang berkesan berdasarkan kebersesuaian usaha atau pendekatan yang dilakukan dengan penggunaan modul atau rujukan yang mempunyai isi kandungan sesuai kepada Mendriq dan kepada orang asli keseluruhan menjadi kayu ukur dalam pelaksanaan dakwah. Ini dapat dilihat dengan pemerhatian awal yang dibuat pengajaran agama yang dilakukan, tidak ramai yang datang mengikuti.

Begitu juga mengenai minat dan kecenderongan yang ditunjukkan dari kalangan Mendriq sendiri yang digarap oleh para pendakwah menjadi satu motivasi untuk berjuang memastikan kaum mereka sendiri menerima dan melaksanakan ibadat dengan baik dan sempurna sebagaimana yang

dinyatakan oleh (Mariam, A.Z., & Zanariah, 2015) bahawa "tindakan atau pergerakan manusia bukan berlaku secara kebetulan tapi dengan gerakkan, diberi dorongan atau diberi motivasi dengan unsur-unsur dalaman dan luaran dari diri seseorang manusia itu sendiri. Yang mana, fiqh ibadat ini melibatkan ilmu yang perlu dipelajari, tanpa minat terhadap ilmu pengetahuan mengenai sesuatu perkara atau tidak pakar mengenai perkara tersebut ia akan memberi impak yang negatif terutama dalam penyampaian dan penerimaan isi kandungan fiqh ibadat solat dan puasa tersebut. Ditambah dengan kajian oleh (Sulaiman @Mohamad, Jamsari & Mohd Talib, 2016) mengenai tahap penguasaan ilmu pengetahuan berkait rapat dengan pembangunan tamadun manusia yang mana penguasaan ilmu pengetahuan satu elemen penting perlu dikuasai oleh sesuatu masyarakat agar seimbang ilmu pengetahuan agama dan ilmu pengetahuan moden. Ia menggambarkan bahawa untuk mencapai perkembangan tamadun manusia ia memerlukan keseimbangan ilmu naqli dan aqli dan untuk mencapai keseimbangan tersebut amat memerlukan sokongan dan dokongan dari pelbagai pihak dengan kaedah yang berkesan dan ia begitu sinonim dengan Mendriq.

## 1.2 Objektif Kajian

- I. Meneroka isi kandungan Fiqh Ibadat solat dan puasa yang sesuai dengan Mendriq
- II. Mengenalpasti kefahaman dan realiti kehidupan dalam kalangan Mendriq di Kuala Lah, Gua Musang.
- III. Merumuskan isi kandungan fiqh ibadat solat dan puasa yang bersesuaian dengan realiti kehidupan Mendriq Kuala Lah Gua Musang
- IV. Mencadangkan kerangka isi kandungan dan penyampaian yang sesuai dengan Mendriq Kuala Lah, Gua Musang.

## 1.3 SOROTAN LITERATUR

Fiqh solat merupakan satu ibadat yang perlu dilaksanakan sebagaimana yang terdapat dalam Rukun Islam. Akan tetapi zakat dan Haji diwajibkan bagi yang berkemampuan dan yang ditakliffkan zakat dalam tanggungan sekali setahun melalui zakat fitrah. Yang mana kajian ini bersandarkan juga fiqh awlawiyat, ibadat solat dan puasa setiap umat Islam wajib laksanakan dan perlu dilaksanakan dengan baik. Untuk itu, setiap rukun dan sunat dalam ibadat solat dan puasa perlu dinilai dan perlu teroka adakah perlu diubahsuai bagi memudahkan lagi atau sekiranya tidak boleh diubahsuai adakah terdapat kaedah yang dapat membantu memudahkan suku Mendriq melaksanakan ibadat sebagai muslim yang baru mendekati Islam.

### 1.3.1 Kajian Suku Kaum Orang Asli Di Malaysia

Suku Kaum Orang Asli merupakan golongan unik yang terdapat pelbagai kefahaman dan gaya hidup yang berbeza berbanding masyarakat suku kaum lain yang terdapat di Malaysia. Masyarakat suku kaum Orang Asli adalah komuniti minoriti di Malaysia dan merupakan penduduk pribumi di negara ini. Suku kaum Orang Asli adalah masyarakat yang terdapat beberapa suku kaum yang berbeza. Rasminya, masyarakat suku kaum Orang Asli dikelaskan kepada tiga kumpulan suku kaum terbesar iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Asli. Manakala Suku kaum Senoi, Negrito dan Melayu Asli dikelaskan kepada enam suku kecil sebagaimana yang dijelaskan oleh Haliza Abdul Rahman (2018).

Suku kaum Orang Asli adalah satu masyarakat Malaysia tersebar di seluruh negara iaitu di seluruh Semenanjung Malaysia, kecuali di Perlis dan Pulau Pinang. Negeri-negeri yang banyak terdapat wujudnya penempatan mereka ialah Pahang, Perak dan Kelantan. Ini berlandaskan statistik yang dikeluarkan oleh JAKOA iaitu seramai 141230 masyarakat suku kaum Orang Asli yang terdapat seluruh semenanjung Malaysia. Kebanyakan daripada masyarakat suku kaum Orang Asli ini tinggal di hutan dan masih amalkan gaya hidup tradisional yang dipengaruhi alam sekitar dan amalan tinggalkan yang nenek moyang mereka amalkan sebagaimana kajian oleh (seow et.al.2015).

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Nur Faaizah Md Adam (2021) dari aspek kepercayaan, masyarakat suku kaum orang Asli mempercayai dan mengamalkan berbagai kepercayaan juga nilai hidup yang sungguh unik. Kehidupan mereka harmoni antara manusia dan alam semulajadi. Nilai persekitaran ini mempengaruhi gaya hidup dan juga sumber ekonomi yang menjadi kebergantungan mereka. Ini menunjukkan diri masyarakat suku kaum Orang Asli sangat sehati dengan kehidupan

mereka dan perlu sesuatu yang sesuai yang dengan kehidupan mereka sekiranya ingin menerapkan apa-apa perkara termasuklah isi kandungan Fiqh Ibadat solat. Apatah lagi puasa, zakat dan haji yang perlu pengorbanan dan kesabaran yang tinggi.


### 1.3.2 Kajian Ilmu Fiqh dan Penerimaan Masyarakat Orang Asli Terhadap Isi Kandungan Ilmu Fiqh Serta Kaitannya.

Menurut Abdul Kadir (1996) Penulisan ilmu Fiqh menggunakan tulisan dalam bahasa Melayu dalam penulisan perundangan Islam atau ilmu fiqh lengkap mengenai ibadat telah dipelopori oleh Syeikh Nuruddin al-Raniri pada abad ke- 11H/17M. Karya dalam perundangan Islam yang berikutnya hanya terhasil 150 tahun kemudian oleh Syeikh Muhammad Arshad al-Banjari. Ia juga dalam bidang fiqh 'ibadah. Ini menunjukkan bahawa pengetahuan tentang fiqh 'ibadah adalah sangat dipentingkan dalam pengajian hukum Islam di rantau Nusantara. Bukan sahaja pada zaman permulaan kedatangan Islam malah kecenderungan itu berterusan sehingga kini.

Kajian mengenai hukum dari pandangan Syeikh Daud berkaitan fiqh ibadat adalah sangat penting kerana ibadat adalah satu perkara yang sangat perlu diambil berat oleh semua umat beragama Islam. Kitab *Furu' al-Masail* yang menjadi rujukan pengkaji adalah yang diterbitkan oleh Maṭba'ah Bin Ḥalab di Patani, Thailand. Ia ditulis oleh Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fathani (1265 H) editor kitab *Furu' al-Masail* dalam terbitan ini ialah Uthman Ṣaleh al-Azhari. Ia mempunyai dua jilid dan 663 muka surat. Jilid pertama terdapat 274 muka surat dan jilid kedua pula terdapat 389 muka surat. Susunan tajuk juga subtajuk fiqh ibadat, dimulai dengan tajuk *kitab al-Thoharah* iaitu (Bersuci) dan diakhiri dengan tajuk *kitab Ṣayd wa al-Dhabaih* iaitu (Perburuan dan Penyembelihan). Ia sangat bertepatan dengan kajian ini mengenai ibadat solat dengan memberi penjelasan yang terperinci.

## 2. REKABENTUK KAJIAN

Berdasarkan kepada objektif dan persoalan kajian, diringkaskan kerangka kajian ini untuk lebih difahami dan lebih jelas mengenai kajian ini iaitu "Kebersesuaian Kandungan Fiqh Ibadat Solat dan Puasa Terhadap Orang Asli Suku Mendriq Kuala Lah, Gua Musang".



Rajah 1: Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian ini bersandar kepada “Modul Panduan Pengajaran Agama Islam Kepada Masyarakat Orang Asli” dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Modul ini merupakan hasil kerjasama Majlis Adat Istiadat Melayu Kelantan dengan Universiti Kebangsaan Malaysia. Menurut penulis, modul pengajaran ini dibangunkan bagi membantu guru dalam menggunakan Buku Teks Pengajaran Agama untuk membimbing masyarakat Orang Asli dan memahami agama Islam dengan lebih berkesan. Modul ini memberi tumpuan kepada aspek amali dan aktiviti bagi membimbing dan merangsang minda pelajar untuk lebih memudahkan memahami subjek diajar. Modul ini dibangunkan hasil sumbang saran dan idea dari beberapa orang pakar dalam bidang dakwah dan bidang pengajaran untuk orang dewasa (endragogi). Juga turut disemak oleh dua pakar dalam bidang pendidikan dan pegawai MAIK yang berpengalaman luas dan terlibat secara langsung dengan dakwah masyarakat Orang Asli. Selain itu, maklum balas daripada tenaga pengajar Orang Asli juga telah diperolehi oleh penulis agar memberi kesan yang mendalam apabila bersesuaian dengan masyarakat Orang Asli”.

### 3. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

#### 3.1 DAPATAN KAJIAN

##### 3.1.1 Analisis Data

Untuk mendapat dapatan kajian ini, pengkaji telah dibuat analisis data dengan kaedah tertentu dipilih dalam menganalisis data kajian ini seperti dalam Jadual 1.

**Jadual 1:** Analisis Kajian

Bil	Objektif Kajian	Persoalan Kajian	Pendekatan	Analisis
1	Meneroka elemen-elemen kandungan Fiqh Ibadat Solat dan Puasa yang sesuai dengan Mendriq	Apakah elemen-elemen kandungan Fiqh Ibadat Solat dan Puasa yang sesuai dengan Mendriq?	Kajian Perpustakaan	Analisis Kandungan
2	Mengenalpasti kefahaman dan realiti kehidupan dalam kalangan Mendriq di Kuala Lah, Gua Musang	Bagaimanakah kefahaman dan realiti kehidupan dalam kalangan Mendriq di Kuala Lah, Gua Musang	Kualitatif Temubual FGD	Analisis Tematik
3	Merumuskan isi kandungan Fiqh Ibadat Solat dan Puasa yang bersesuaian dengan realiti kehidupan Mendriq Kuala Lah, Gua Musang	Apakah isi kandungan Fiqh Ibadat Solat dan Puasa yang bersesuaian dengan realiti kehidupan Mendriq Kuala Lah, Gua Musang	Kualitatif Temubual FGD	Analisis Tematik

*bersambung*

4	Mencadangkan kerangka isi kandungan dan penyampaian yang sesuai dengan dengan Mendriq Kuala Lah, Gua Musang	Apakah cadangan kerangka isi kandungan dan penyampaian yang sesuai dengan Mendriq Kuala Lah, Gua Musang?	Kualitatif Temubual FGD	<i>Analisis Tematik</i>
---	---	--	-------------------------	-------------------------

Sebagaimana jadual di atas, analisis data yang dijalankan untuk mendapat dapatan kajian. Analisis peringkat pertama adalah analisis data kajian perpustakaan, kedua analisis data temubual dan ketiga analisis data FGD. Analisis data perpustakaan dijalankan melalui pembacaan dan penelitian untuk mengetahui hukum fiqh Ibadan solat yang dibincangkan dan bersesuaian dengan Mendriq. Manakala analisis temubual, melibatkan temubual terhadap responden. Analisis yang dijalankan adalah melalui penentuan tema atau analisis tematik berkaitan kefahaman dan realiti kehidupan dalam kalangan Mendriq. Analisis ketiga pula ialah analisis data FGD yang menyokong kajian ini dengan mengolah, menafsir dan menyimpulkan data kualitatif yang dikumpulkan melalui interaksi dan diskusi kelompok terfokus.

Berdasarkan analisis data yang dibuat, mendapati isi kandungan fiqh ibadat perlu dititikberatkan dan diberi penekanan perkara rukun dan perkara asas serta perkara wajib dan yang mudah difahami dan diamalkan dengan menggunakan pelbagai kaedah pembelajaran dan pengajaran yang dapat menarik minat suku kaum Mendriq yang beragama Islam melaksanakan ibadat solat dengan sempurna serta menjadi daya penarik kepada suku kaum Mendriq yang belum memeluk Islam untuk memeluk Islam dengan keindahan Islam dalam kehidupan Islam yang sangat menitikberatkan setiap aspek kehidupan seorang muslim.

## PERBINCANGAN

Analisis terhadap kajian tempatan dan antarabangsa menunjukkan tiga pola utama. Pertama adalah peranan efikasi sendiri digital iaitu keyakinan guru terhadap teknologi menjadi pemacu utama kepada penggunaan ICT secara bermakna. Seterusnya adalah kepentingan sokongan sekolah yang terdiri daripada kepimpinan digital, budaya inovasi, dan akses kepada infrastruktur menentukan keberkesanan integrasi teknologi. Keperluan latihan berterusan merupakan pola terakhir dimana latihan jangka pendek mampu meningkatkan kemahiran teknikal, tetapi latihan berasaskan projek dan refleksi lebih berkesan membangunkan kompetensi digital jangka panjang. Kesimpulannya, hasil dapatan kajian-kajian ini mengesahkan bahawa kompetensi digital ialah konstruk multidimensi yang memerlukan gabungan faktor psikologi, pedagogi dan kontekstual. Dapatan ini mengukuhkan penggunaan Model Rubach dan Lazarides (2021) sebagai asas teori bagi pembangunan kompetensi digital.

### 3.1 Hubungan dengan Dasar Pendidikan & SDG


Kesemua elemen dalam Model Rubach & Lazarides (2021) selari dengan aspirasi Dasar Pendidikan Digital (KPM, 2023–2030) yang menekankan peningkatan kompetensi pendidik sebagai teras utama transformasi sistem pendidikan. Dasar ini mendorong guru untuk menguasai kemahiran digital merentasi dimensi teknikal, pedagogi, keselamatan dan etika, selaras dengan komitmen PPPM (2013–2025) untuk meningkatkan kualiti pembelajaran dengan pemanfaatan ICT. Tambahan pula, agenda ini selaras dengan SDG 4 yang menyeru pendidikan berkualiti dan pembelajaran sepanjang hayat, serta SDG 9 yang menekankan inovasi dan pembangunan infrastruktur digital. Guru berkemampuan digital memainkan peranan penting dalam menyediakan murid untuk menjadi warganegara digital yang mahir dan bertanggungjawab.

### 3.2 Isu dan Cabaran

Walaupun berlaku peningkatan penggunaan teknologi dalam sistem pendidikan, beberapa cabaran utama masih menghalang penguasaan kompetensi digital secara menyeluruh. Wujudnya jurang digital adalah cabaran yang pertama. Perbezaan infrastruktur antara kawasan bandar dan luar bandar terus memberi kesan terhadap keupayaan guru melaksanakan PdPc digital secara berkesan. Cabaran seterusnya merupakan efikasi sendiri yang rendah. Ramai guru masih kurang yakin menggunakan teknologi untuk tujuan pedagogi kompleks, seperti pentaksiran digital, pembelajaran adaptif dan pembelajaran teradun. Selain daripada itu kekangan masa dan beban tugas juga memberi cabaran kepada kompetensi digital guru. Beban kerja guru yang tinggi menyukarkan mereka mengikuti latihan digital jangka panjang. Cabaran terakhir yang dikenalpasti adalah isu etika dan keselamatan digital. Kesedaran terhadap privasi data, hak cipta dan keselamatan siber dalam kalangan guru masih belum memuaskan.

### 3.3 Model Konseptual

Kerangka yang dicadangkan menggabungkan input dasar pendidikan digital, proses sokongan sekolah dan pembangunan profesional, serta output kompetensi guru digital.



Rajah 2. Model Konseptual

### IMPLIKASI

Artikel ini mencadangkan beberapa implikasi global yang besar yang menyumbang secara bermakna kepada wacana antarabangsa mengenai pendidikan digital. Pertama, sintesis kajian empirikal dan asas konsep kompetensi digital guru sejajar rapat dengan piawaian global UNESCO untuk ekosistem pembelajaran digital, mengukuhkan keperluan untuk pembangunan guru berasaskan kompetensi di seluruh dunia. Kedua, dengan menyatukan bukti semasa dan memanjangkan model Rubach dan Lazarides (2021), artikel ini memajukan biasiswa antarabangsa mengenai kecekapan digital guru, terutamanya dalam memahami faktor psikologi, pedagogi dan kontekstual yang membentuk kesediaan digital. Ketiga, rangka kerja yang dicadangkan dalam kajian ini mewujudkan peluang baharu untuk penyelidikan perbandingan merentas negara di rantau ASEAN, menggalakkan penerokaan yang lebih mendalam tentang bagaimana perbezaan budaya, infrastruktur dan dasar mempengaruhi kecekapan digital merentas sistem sekolah. Secara kolektif, implikasi global ini meletakkan artikel sebagai sumbangan penting kepada perbualan berterusan mengenai transformasi digital dalam pendidikan.

Di luar perspektif global, artikel ini memberikan tiga implikasi tambahan untuk memperkukuh sistem pendidikan Malaysia. Pertama, penemuan ini menyerlahkan keperluan untuk program pembangunan profesional yang lebih disasarkan sejajar dengan Dasar Pendidikan Digital, memastikan guru Malaysia menerima latihan yang berbeza berdasarkan profil kecekapan digital mereka. Kedua, artikel itu menggariskan kepentingan memperkukuh kapasiti kepimpinan sekolah, terutamanya dalam mewujudkan budaya digital yang menyokong di mana pengetua memperjuangkan inovasi digital dan model amalan yang dibolehkan teknologi. Ketiga, model konseptual yang dicadangkan menawarkan rujukan praktikal untuk penggubal dasar, membolehkan lebih banyak perancangan berasaskan bukti untuk pelaburan infrastruktur digital, pendidikan keselamatan siber dan mekanisme penilaian guru di bawah PPPM dan kitaran dasar yang akan datang. Implikasi ini secara kolektif menyokong aspirasi Malaysia untuk membina guru yang diperkasakan secara digital yang boleh memacu pendidikan berkualiti tinggi, inklusif dan bersedia masa hadapan merentas semua peringkat sistem sekolah kebangsaan.

## **CADANGAN KAJIAN MASA DEPAN**

Penyelidikan masa depan harus meneroka beberapa hala tuju penting untuk mengukuhkan lagi bidang kompetensi digital guru. Kajian membujur diperlukan untuk mengkaji kesan berterusan program latihan digital terhadap kemahiran, keyakinan dan amalan bilik darjah guru dari semasa ke semasa. Di samping itu, membangunkan instrumen kecekapan digital khusus konteks yang disesuaikan dengan sistem pendidikan Malaysia akan menyediakan rangka kerja pengukuran yang lebih tepat untuk dasar dan amalan. Penyelidikan kaedah campuran juga boleh menawarkan pandangan yang lebih mendalam tentang interaksi antara efikasi sendiri digital guru, sokongan kepimpinan sekolah dan budaya digital yang lebih luas dalam sekolah. Tambahan pula, dengan kemajuan pesat kecerdasan buatan dalam pendidikan, kajian masa depan harus menyiasat literasi AI guru, kesedaran etika dan kesediaan untuk menyepadukan alatan berkuasa AI ke dalam pengajaran dan pembelajaran.

## **KESIMPULAN**

Kompetensi digital guru bukan lagi pilihan tetapi keperluan dalam memastikan sistem pendidikan Malaysia kekal relevan dan berdaya saing. Model Rubach & Lazarides menyediakan kerangka yang komprehensif untuk memahami dan membangunkan keupayaan tersebut. Dengan sokongan dasar, latihan berterusan dan kepimpinan sekolah yang berkesan, Malaysia berpotensi menjadi peneraju pendidikan digital di rantau ini.

## **PENGHARGAAN**

Kajian ini adalah sebahagian daripada kajian EdD penulis pertama di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Kajian ini dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah skim Hadiah Latihan Persekutuan

## **KONFLIK KEPENTINGAN**

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan

## **SUMBANGAN PENULIS**

Semua penulis yang disenaraikan memberikan sumbangan saintifik yang signifikan kepada penyelidikan dalam manuskrip, meluluskan tuntutannya, dan bersetuju untuk menjadi penulis. Penyata kredit untuk Penulis 1 memberi sumbangan dalam konsepsi, metodologi, perisian, pengurusan data, penyediaan draf asal, penyiasatan, menulis, mengkaji dan mengedit. Manakala Penulis 2 membuat pengesahan dan penyeliaan.

## **KESEDIAAN DATA DAN BAHAN**

1. Data tersedia dalam artikel atau bahan tambahannya.
2. Data tersedia secara terbuka dalam repositori awam, dengan pengecam tetap (seperti DOI).

## **PENGISYTIHARAN GENEARTIF AI**

Semasa penyediaan kerja ini, pengarang menggunakan [ChatGpt 4.0/menjana idea struktur artikel] bagi mendapatkan idea awal skop artikel. Seterusnya menggunakan [Scite.ai/mendapatkan citation dan artikel], untuk meningkatkan kejelasan penulisan. Selepas penggunaan kedua-dua AI ini, [ChatGpt 4.0/menjana idea struktur artikel] dan [Scite.ai/mendapatkan citation dan artikel], pengarang menyemak dan mengedit kandungan seperti yang diperlukan dan mengambil tanggungjawab penuh untuk kandungan penerbitan.

## PENYATA ETIKA

Tidak berkenaan

## RUJUKAN

- Abdullah, N. S., & Kadir, S. A. (2023). Relationship between principals' digital leadership and teachers' digital competency in Klang district secondary schools. *Asian Journal of Vocational Education and Humanities*, 4(2), 1-14.
- Aydin, M. K., Yildirim, T., & Kus, M. (2024). Teachers' digital competences: A scale construction and validation study. *Frontiers in Psychology*, 15, 1356573. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2024.1356573>
- Althubyani, A. R. (2024). Digital competence of teachers and the factors affecting their competence level: A nationwide mixed-methods study. *Sustainability*, 16(7), 2796. <https://doi.org/10.3390/su16072796>
- Baharuddin, M. F., Masrek, M. N., & Mohamed Shuhidan, S. (2023). Assessing the level of digital literacy among selected Malaysian school teachers. *Journal of Information and Knowledge Management (JIKM)*, 2, 451-462.
- Bandura, A. (2012). *Self-efficacy: The exercise of control* (12. print). Freeman.
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27–40. <https://doi.org/10.3316/QRJ0902027>
- Burić, I., & Kim, L. E. (2020). Teacher self-efficacy, instructional quality, and student motivational beliefs: An analysis using multilevel structural equation modeling. *Learning and Instruction*, 66, 101302.
- Eccles, J. S., & Wigfield, A. (2002). Motivational beliefs, values, and goals. *Annual Review of Psychology*, 53(1), 109–132. <https://doi.org/10.1146/annurev.psych.53.100901.135153>
- European Commission. Joint Research Centre. (2017). *European framework for the digital competence of educators: DigCompEdu*. Publications Office. <https://data.europa.eu/doi/10.2760/159770>
- Halim, M. A. B. A., Masdar, M. H. B., & Abdullah, E. M. B. E. (2023). Digital competency among educators in malaysia facing with fourth industrial revolution (IR4.0). *Jurnal Al-Sirat*, 23(2), 78–101. <https://doi.org/10.64398/alsirat.v23i2.311>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023). *Dasar Pendidikan Digital 2023–2030*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025*. Putrajaya: KPM.
- Lachner, A., Fabian, A., Franke, U., Preiß, J., Jacob, L., Führer, C., & Thomas, P. (2021). Fostering pre-service teachers' technological pedagogical content knowledge (TPACK): A quasi-experimental field study. *Computers & Education*, 174, 104304.
- Lei, H., & Jiang, Z. (2025). Assessing the digital competence and its influencing factors among foreign language teachers in Chinese universities. *Humanities and Social Sciences Communications*, 12(1), 1-10.
- Masoumi, D., & Noroozi, O. (2025). Developing early career teachers' professional digital competence: A systematic literature review. *European journal of teacher education*, 48(3), 644-666.
- OECD. (2024). *Oecd economic surveys: Malaysia 2024* (Vol. 2024). OECD Publishing. <https://doi.org/10.1787/e45ca31a-en>
- Omar, Muhd Khaizer, and Ikmal Rizal Mohamad. "Pedagogy, ICT skills, and online teaching readiness as factors on digital competency practices among secondary school teachers in Malaysia." *Asian Journal of Vocational Education And Humanities* 4.1 (2023): 1-9.
- Rozali, M. Z., Go, C. H., Samshul, S. N., Ismail, A. ., & Zakaria, A. F. (2024). A New Digital Competence Framework for Primary School Design and Technology Teachers. *Journal of Technical Education and Training*, 16(2), 175-185. <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/JTET/article/view/17198>
- Rubach, C., & Lazarides, R. (2021). Addressing 21st-century digital skills in schools – Development and validation of an instrument to measure teachers' basic ICT competence beliefs. *Computers in Human Behavior*, 118, 106636. <https://doi.org/10.1016/j.chb.2020.106636>
- Scherer, R., Siddiq, F., & Tondeur, J. (2020). All the same or different? Revisiting measures of teachers' technology acceptance. *Computers & Education*, 143, 103656. <https://doi.org/10.1016/j.compedu.2019.103656>
- Unesco ict competency framework for teachers: Version 3. (with Unesco). (2018). UNESCO.
- Wigfield, A., Tonks, S., & Klauda, S. L. (2009). Expectancy-Value Theory. In *Handbook of motivation at school* (pp. 69-90). Routledge.

<https://doi.org/10.37134/ejoss.vol12.sp2.19.2026>

© 2026. Published by Pejabat Karang Mengarang (UPSI Press).

This is an open access article under the CC BY-NC 4.0 license

Xin, Y., Tang, Y., & Mou, X. (2024). An empirical study on the evaluation and influencing factors of digital competence of Chinese teachers for TVET. *PLoS One*, 19(9), e0310187.